

13/03/2005

CINTAI BUNGA RAYA

Oleh Ahmad Fauzi Mustafa

SEJAK menjawat Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, cinta Datuk Ismail Ngah terhadap bunga raya semakin terserlah. Baginya, bunga raya yang mengandungi lima kelopak mempunyai makna tersirat - lima Rukun Islam dan lima Rukun Negara.

Malah, kata beliau bunga raya dapat meningkatkan kesedaran dan menanam sifat kebanggaan serta kecintaan rakyat Malaysia terhadap bunga yang dinobatkan sebagai bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960 oleh Perdana Menteri pertama ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra.

"Bunga raya juga memupuk semangat perpaduan yang kukuh di dalam diri rakyat Malaysia di samping menghayati maksud tersirat di sebalik bunga raya itu.

"Selain menggalakkan penanaman bunga raya di sekolah dan rumah kediaman, ia juga harus ditanam di pintu masuk utama negara seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan kawasan awam," kata Ismail.

Tahun ini, kempen mencintai bunga raya disemarakkan semula dan bertepatan pada waktunya selepas sekian lama agak terpendam sebagai reputasi sebagai bunga kebangsaan.

Bunga raya atau nama saintifiknya, *Hibiscus Rosa-Sinensis* adalah ratu tumbuhan tropika. Kewujudan yang sekian lama turut dikenali sebagai 'The Rose of China' berdasarkan pertemuan asal di negara China.

Penggunaan bunga raya di serata dunia semakin meluas kerana hampir setiap tahun adanya variasi atau hybrid bunga raya yang diperkenalkan. Sebagaimana masyarakat kita sedia maklum, bunga raya di Malaysia adalah bunga kebangsaan.

Warna merah pula bermaksud keteguhan politik dan ekonomi serta sifat keberanian menempuh cabaran. Kepelbagaian bunga raya dari segi warna, bentuk dan ukuran menjadi lambang pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan yang hidup harmoni di negara tercinta ini.

Selain Malaysia, Jamaica juga memilih bunga raya sebagai bunga kebangsaan mereka iaitu dari spesies *Hibiscus Elatus* manakala Hawaii pula memilih bunga raya spesies *Hibiscus Rosa-Sinensis* sebagai bunga rasmi negeri berkenaan.

Ini jelas menunjukkan bunga raya mempunyai daya tarikan dan keunikannya tersendiri. Berdasarkan sejarah, ada 10 spesies atau jenis bunga raya yang wujud di negara ini ketika dulu yang digunakan untuk makanan, gentian, perkayuan, perubatan dan tanaman ornamental.

Bagaimanapun pada hari ini lebih-lebih lagi era teknologi dan sains menyaksikan banyak penghibridan dan pengkulturan yang dilakukan ke atas spesies bunga raya. Sehingga saat ini, ada kira-kira 3,000 bunga raya hybrid dan variasi yang berdaftar di seluruh dunia.

Di Malaysia saja, jumlah spesies bunga raya mencapai 300 jenis. Bunga raya di sini dalam kumpulan famili *Malvaceae*. Pembiakan bunga raya adalah hasil dari keratan dahan, tut atau cantuman.

Ciri pokok bunga raya ialah pokok renek berbunga sama ada merah, merah jambu, putih, kuning atau jingga, berbentuk rimbun menegak dan mempunyai tekstur sederhana kasar. Kebiasaannya, ketinggian pokok bunga raya ialah antara dua hingga tiga meter.

Dari aspek landskap, bunga raya terkenal sebagai tanaman hiasan yang boleh diibaratkan sebagai pokok renek bunga raya yang 'evergreen'. Ini berikutan kecantikan dan keunikan bunganya yang boleh didapati dalam

pelbagai pilihan warna, tambahan pula pengurusan dan penyelenggaraan adalah mudah, malah bunga raya boleh dikategorikan sebagai tumbuhan renek yang tahan lasak.

Bunga raya banyak ditanam di kawasan bandar dan luar bandar terutama di kampung kerana kesesuaian iklim dan tanahnya. Kebanyakan penggunaan bunga raya dapat dilihat secara tanaman berkelompok, pagaran, tanaman berpasu, tanaman spesimen dan memanjat.

Di samping itu, bunga raya juga dijadikan bahan makanan di mana bunga raya jenis Roselle boleh dijadikan sirap, jem dan halwa serta digunakan sebagai sayuran dan ulaman dari spesies Hibiscus Eculentus, manakala kegunaan lain seperti aspek perubatan pula terdapat beberapa spesies bunga raya yang boleh digunakan sebagai penawar racun, melegakan sakit kepala dan demam.

Dari aspek gubahan juga bunga raya sering digunakan dalam rumah dan hiasan kostum. Ada juga beberapa spesies bunga raya mampu melembapkan kulit dan menyuburkan rambut dari aspek kosmetik.

Penanaman bunga raya juga pelbagai termasuk cara membiaknya. Pertama, melalui biji benih walaupun tidak begitu meluas. Kebiasaannya, biji benih bunga raya banyak digunakan oleh negara yang beriklim empat musim.

Kedua, secara keratan batang yang digunakan secara meluas di negara ini kerana lebih mudah. Batang halus yang dipotong dari pokok induk ditanam terus dengan disapu sedikit serbuk penggalak akar.

Secara tut di mana penggunaannya banyak dilakukan ke atas bunga raya yang lebih besar di mana kulit di sekeliling batang dibuang, kemudian gumpalan tanah yang disertakan dengan serbuk penggalak akar diletakkan di sekeliling batang yang sudah dibuang. Sesudah akar mulai tumbuh di kawasan batang yang dipotong kulitnya tadi, ia boleh dipindahkan dan ditanam berasingan dengan pokok induk.

Akhir sekali, cantuman tunas dibuat apabila ada tunas dari induk lain dicantumkan kepada pokok induk yang lain dan tunas itu dibiarkan bercambah pada pokok induk yang sudah dipindahkan.

Sebagaimana tumbuhan lain, penjagaan bunga raya juga memerlukan pengurusan dan penjagaan yang secukupnya. Seperti siraman dan pengairan, sekurang-kurangnya satu atau dua kali sehari. Tanaman bunga raya perlulah dielakkan dari kawasan air yang bertakung untuk memastikan tiada kerosakan akar.

Proses penggemburan biasa dilakukan sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi memastikan sistem pengudaraan yang baik dan tidak ada tumbuhan persaingan. Dari aspek pembajaan, ia penting dalam memastikan tumbuhan berada dalam keadaan sihat dan selalu mengeluarkan bunga.

Cantasan juga hendaklah dilakukan supaya dapat mengawal pertumbuhan bunga raya dan mempercepatkan pertumbuhan tunas, malah bentuk pertumbuhan bunga raya ini boleh dibuat.

Mengenai kawalan penyakit dan serangan serangga, selalunya dengan cara semburan racun serangga yang mana tertumpu pada penggunaan luaran. Ada juga bunga raya yang mendapat serangan pada akar dan atas faktor itu, penggunaan racun serangga yang dikhususkan pada akar.

Pada 1989, Taman Bunga Raya Kuala Lumpur dibina khusus sebagai satu pengiktirafan pada bunga raya sebagai bunga kebangsaan yang terletak di Taman Tasik Perdana. Kawasan seluas 0.9 hektar itu ditanam dengan 5,000 batang pokok bunga raya terdiri daripada pelbagai spesies dan variasi.

Sebagai tanda sokongan bunga raya, ada lima persatuan bunga raya di seluruh dunia iaitu Persatuan Bunga Raya Antarabangsa, Persatuan Bunga Raya Amerika, Persatuan Bunga Raya Australia, Persatuan Bunga Raya Queensland dan Persatuan Bunga Raya Danish. Di negara ini, masih belum mempunyai persatuan bunga raya, tetapi mempunyai pengikut dan peminat yang ramai terhadap bunga raya.

Antara spesies bunga raya yang dikenal pasti ialah Hibiscus Rosa-Sinensis, Hibiscus Mutabilis, Hibiscus Esculentus, Hibiscus Tiliaceus, Hibiscus Syriacus, Hibiscus Moschentos, Hibiscus Rockil, Hibiscus Kokio, Hibiscus Yougianus dan Hibiscus Arnottianus.

Bagi hybrid bunga raya pula, antaranya ialah Fierlight, Charles September, Light Pink, Ritt 470, La France, Peach, Aurora, White Picardy, Scarlet Giant, Pink President, Pagoda, Francosea, Miss Kitty, Frank's Lady, Fire Truck, Cooperi Alba, Aloha dan Pukoonis. Malah, nama bekas Perdana Menteri Malaysia keempat dan isterinya turut diberikan nama pada bunga raya iaitu Hibiscus Rosa-Senensis Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

(END) Source : Berita Harian